

PENDEKATAN PERSEMBAHAN TEATER-TEATER BERUNSUR ISLAM DINSMAN

A PERFORMANCE APPROACH FOR DINSMAN's ISLAMIC THEATRES

Fazilah Husin¹

Faculty of Modern Languages and Communication, Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia.
(Email: fazilahh@upm.edu.my)

Nik Fazli Mohamad²

Faculty of Modern Languages and Communication, Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia.
(Email: aqiemfazliey@yahoo.com)

Zulkifli Mohamad³

Faculty of Modern Languages and Communication, Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia.
(Email:zulkiflimohamad@upm.edu.my)

Mohd Zariat Abdul Rani⁴

Faculty of Modern Languages and Communication, Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia.
(Email:zariat@upm.edu.my)

Received date: 28-07-2019

Revised date: 23-09-2019

Accepted date: 03-10-2019

Published date: 15-12-2019

To cite this document: Husin, F., Mohamand, N. F., Mohamad, Z., & Rani, M. Z. A. (2019). Pendekatan Persembahan Teater-Teater Berunsur Islam Dinsman. *International Journal of Creative Industries*, 1(2), 18-28.

DOI: 10.35631/ijcrei.12002

Abstrak: Kajian ini tertumpu kepada pendekatan persembahan yang digunakan oleh Dinsman dalam menampilkan isu yang berkaitan dengan Islam dalam teater "Menunggu Kata Dari Tuhan" (2016) dan "Tamu Dari Medan Perang" (2017). Kedua-dua teater ini dianalisis berdasarkan Pendekatan Teater Fitrah yang menyenaraikan enam prinsip pementasan teater menurut perspektif Islam. Pendekatan ini berdasarkan prinsip bahawa hakikat kehidupan manusia (fitrah) adalah untuk beribadah kepada Pencipta, yakni Allah SWT, termasuk melalui persembahan teater. Menurut Pendekatan Teater Fitrah, persembahan teater dapat menjadi manifestasi ibadah manusia kepada Pencipta melalui pengisian dan pelaksanaannya yang sesuai menurut ajaran Islam. Enam prinsip itu meliputi penyelesaian cerita yang berpihak kepada protagonis yang beriman kepada Allah SWT, watak yang sedar tentang hakikat pengabdian diri kepada Allah SWT, memanifestasikan perkataan tentang kejiwaan dengan niat yang baik, memanifestasikan keimanan kepada Allah SWT melalui tindak-tanduk tertentu, mengandungi nilai-nilai Islam yang ditampilkan dengan tujuan untuk beribadah, serta menjaga etika dan tatasusila dalam pementasan teater. Data penyelidikan dikumpulkan melalui pemerhatian terhadap praktis pementasan secara langsung dan rakaman video. Kajian ini juga memberikan perhatian kepada isu dan permasalahan yang dibincangkan. Kedua-dua teater ini didapati mengangkat isu yang berbeza, tetapi mempunyai kaitan yang rapat dengan isu, sikap dan pemikiran masyarakat Islam. Teater "Menunggu Kata

Dari Tuhan” memaparkan isu kepatuhan dan tindakbalas seorang Muslim terhadap suruhan Allah SWT dan Rasul-Nya. Isu berkaitan langsung dengan tingkah laku sebenar seorang Muslim ini memberikan contoh kepada khalayak tentang reaksi yang seharusnya dalam menghadapi sesuatu situasi. Sementara, “Tamu dari Medan Perang” membincangkan tentang jihad dan tanggapan masyarakat Islam sendiri terhadapnya. Kesimpulannya, watak-watak dan pengakhiran cerita dalam kedua-dua teater didapati selaras dengan prinsip-prinsip yang disenaraikan dalam Pendekatan Teater Fitrah. Dalam konteks pengarahan persembahan, kedua-dua teater menampilkan bilangan watak yang relatif kecil. Strategi ini memudahkan pengarah dalam mengawal pergerakan dan interaksi antara pelakon dengan pelakon yang lain, khususnya antara watak wanita dengan lelaki.

Kata Kunci: Teater Fitrah, Unsur Islam, Prinsip, Dinsman, Protagonis

***Abstract:** The study focuses on a performance approach by Dinsman in his “Menunggu Kata Dari Tuhan” (Waiting for the Word of God's) (2016) and “Tamu Dari Medan Perang” (Guests of the Battlefield) (2017). Both theatres are analyzed based on the “Teater Fitrah” (Theatre of Fitrah) approach which outlined six principles in theatre production from the Islamic perspective. This approach is based on the principle that the essence of human life (nature) is to submit to the Creator i.e. Allah SWT including via theatre performance. According to “Teater Fitrah” (Theatre of Fitrah) approach, theatre performance can be a manifestation of man's submission to the Creator through its content and implementation that is appropriate in the teaching of Islam. The six principles include story ending which in favour of the protagonist who believes in God, a character who is conscious about the nature of self-submission to Allah SWT, manifesting words about the human's soul with good intentions, manifesting the faith in Allah SWT through particular actions, containing Islamic values that foregrounded with the purpose of submission as well as preserving ethics and etiquette in theatre staging. The research data is collected through observations on live staging practices or video recording. This study also pays attention to the issues and problems discussed. Both theatres are found to have raised different issues, but are closely linked to the issues, attitudes and thoughts among Muslim society. “Menunggu Kata Dari Tuhan” (Waiting for the Word of God) presents the issues of Muslim's obedience and response to the commands of Allah SWT and His Messenger. The issue which directly relates to the actual behaviour of a Muslim, giving the audience an example of how they should react in a situation. Meanwhile, “Tamu dari Medan Perang” (Guests of the Battlefield) discusses on jihad and Muslim's understanding about it. In conclusion, characters and story's ending are in line with the principles outlined by pendekatan “Teater Fitrah” (Theatre of Fitrah). In the context of directing the performances, both theatres feature a relatively small number of characters. This strategy makes easy for director in controlling the movements and interaction between one actors to another actors, especially among female and male characters.*

Key Words: *Theatre of Fitrah, Islamic Elements, Principle, Dinsman, Protagonist*

Pengenalan

Malaysia mempunyai tradisi teater yang berasal daripada upacara ritual yang diamalkan oleh masyarakat primitif yang bergantung hidup kepada alam semulajadi dan persekitaran. Upacara ritual yang diamalkan ini melibatkan bomoh dan pawang serta persembahan kepada roh nenek moyang dan kuasa alam semulajadi berbentuk nyanyian, tarian, permainan alat muzik, pergerakan tertentu serta dikir. Menurut Nasuruddin (2009), apabila masyarakat di Malaysia mulai terdedah kepada perkembangan pengetahuan dan teknologi, mereka mulai

menyedari tentang fenomena alam. Sehubungan itu mereka tidak lagi perlukan upacara ritual untuk mengatasi permasalahan berkaitan cuaca seperti petir kilat, banjir, kemarau mahu pun ribut dan taufan. Ritual tersebut secara perlahan menjadi sekular apabila hanya bahagian dramatik dan hiburannya sahaja yang dikekalkan hingga ke hari ini. Terdapat beberapa bentuk primitif ritual dan upacara yang masih diamalkan dalam kalangan segelintir masyarakat Malaysia hingga ke hari ini khususnya oleh Orang Asli. Masyarakat Asli Mah Meri contohnya, masih mengamalkan tarian ritual ‘Balai Raya’ sebagai persembahan tahunan. Sementara sesetengah nelayan masih lagi mengadakan upacara ‘Main Pantai.’ Kedua-dua upacara ini melibatkan tarian, dikir dan persembahan makanan. Teater di Malaysia seterusnya berkembang daripada upacara ritual kepada persembahan yang berorientasikan hiburan dan kesenian. Terdapat beberapa bentuk persembahan berbentuk lakonan seperti mak yung, mek mulung dan wayang kulitⁱ yang berkembang sejak sebelum tahun 1950-an, era di mana teater moden mulai berkembang di Malaysia. Persembahan-persembahan ini telah mengalami serba-sedikit penyesuaian di mana upacara ritual yang membabitkan mantera di awal persembahan yang bertujuan untuk memohon restu daripada roh atau makhluk ghaib telah ditiadakan. Walaubagaimana pun, masih terdapat lagi teater tradisional di sesetengah tempat atau daerah yang masih mengekalkan ritual atas alasan berbeza anutan dan pegangan. Matusky (1997) mendakwa, di bawah penjajahan Inggeris, serta selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, tiada usaha yang dilakukan untuk mengembangkan dan menyuburkan bentuk-bentuk seni persembahan tradisional dari daerah luar bandar. Bentuk tersebut termasuklah juga persembahan ritual, tarian, nyanyian dan lakonan serta muzik yang terkenal dan dipersembahkan oleh masyarakat dalam majlis-majlis yang diadakan sebagai suatu aktiviti kemasyarakatan. Kesan daripada itu suburlah bentuk persembahan ala opera dan tarian seperti bangsawan, boria dan teater moden. Bentuk-bentuk ini masih lagi bersifat hiburan dan tidak dapat dikaitkan secara langsung dengan unsur keagamaan. Tema dan pemikiran serta teknik persembahan adalah merujuk kepada konsep teater yang dipelajari daripada tradisi Yunani. Melalui teater bangsawan, akan dapat dikenalpasti aspek tragedi yang merupakan salah satu ciri plot dan naratif yang dikaitkan secara langsung dengan bentuk teater yang diasaskan oleh tamadun Yunani.

Pemodenan teater Melayu ditandai oleh pementasan nashkah yang telah meninggalkan kisah dewa-dewi, legenda, mitos, lawak jenaka dan tarian yang tidak ada perkaitan dengan jalan cerita. Pementasan pentas dalam konteks teater moden adalah persembahan kisah kehidupan masyarakat harian atau realiti bukan lagi imaginasi atau sejarah silam yang dikenali sebagai aliran realisme. Persembahan berlaku di pentas prosenium yang mengasingkan antara penonton dengan pelakon, dilengkapi bingkai yang terbentuk daripada tirai dan tiang antara ruang utama lakon untuk tujuan persiapan pementasan. Seterusnya teater di Malaysia berkembang lagi dengan bentuk persembahan yang lebih terbuka sama ada dari segi pentas atau panggung yang tidak lagi terikat kepada bentuk prosenium dan pasukan persembahan yang bersembunyi di belakang tirai sebelum lakonan dipersembahkan, pergerakan adalah rahsia kecuali persembahan ditunjukkan kepada penonton. Pentas dan set telah dibuka kepada penonton sebelum pementasan belum lagi bermula, pergerakan penukar set dan prop kerapkali berlaku di hadapan penonton tanpa perlu menarik tirai atau menggelapkan lampu panggung untuk tujuan mengekalkan fokus penonton kepada cerita yang terhenti sebentar tadi. Sementara isu dan persoalan yang dibincangkan lebih meluas, lebih daripada realiti kehidupan tetapi merangkumi falsafah, persoalan, kejiwaan dan emosi, isu persekitaran dan fenomena tertentu, serta permasalahan politik, ekonomi dan konflik yang dibincangkan dalam pendekatan dan aliran termasuklah absurd, surreal, ekspresionis, simbolik dan sekitar ruang (*environmental*). Aliran dan pendekatan persembahan tersebut bersifat eksperimental pada

awal perkembangannya sekitar tahun 1970-an, kemudian perlahan-lahan membentuk aliran yang kukuh dalam dalam konteks perkembangan teater di Malaysia.

Bermula pada dekad ini juga aspek keislaman mulai ketara ditampilkan di pentas bermula dengan pementasan ‘Bukan Lalang Di Tiup Angin’ karya dan arahan Noordin Hassan di Maktab Perguruan Sultan Idris pada tahun 1970 (Mana Sikana, 2011). Terdapat beberapa dramatis yang berusaha menampilkan hal ehwal keislaman melalui skrip masing-masing antaranya ialah A Rahim Abdullah (*Asar Belum Berakhir*), Mana Sikana (*Hikmah*), Suhaimi Haji Muhammad (*Bulan Jingga*), Hashim Karim (*Pengorbanan*), Abd. Talib Mohd. Hassan (*Perhitungan*), A.Shukor Harun (*Ombak*), Badaruddin M.Z (*Tukang*) dan Saparman Bakri (*Sekeruh Air di Cawan*). Drama-drama ini dihasilkan untuk Peraduan Mengarang Drama Berunsur Islam anjuran Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Agama) pada tahun 1981 sempena dengan sambutan Abad 15 Hijrah (*Asar Belum Berakhir*, 1988). Kesedaran ini berkaitan dengan perkembangan dan penghayatan terhadap ajaran Islam yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Menurut Mohd Nasir (2010), berlaku reformasi sistem pendidikan agama secara besar-besaran seiring dengan era kebangkitan gerakan Islam pada awal tahun 1970-an. Beliau merumuskan bahawa gerakan Islam sebenarnya berperanan membangunkan sistem dan institusi pendidikannya sendiri di samping sebahagiannya terlibat secara langsung dalam arus pendidikan nasional. Apabila situasi ini dirujuk kepada kebangkitan teater yang membawakan persoalan, perbincangan, isu dan aspek yang berkaitan dengan Islam, kesedaran dan usaha oleh penulis skrip dan pengarah teater di Malaysia untuk menampilkannya dalam karya masing-masing.

Latar Belakang Kajian

Dinsman

Dinsman atau Shamsudin Othman berasal dari Jitra Kedah, menerima pendidikan agama di Maktab Mahmud, Alor Setar, Kedah dan Kolej Islam, Petaling Jaya, Selangor. Beliau mula terkenal dalam bidang teater sejak tahun 1970-an dengan nashkah dan pementasan Protes (1972), Jebat (1973), Bukan Bunuh Diri (1974), Ana (1976) dan Di Pulau Sadandi (1977). Pada tahun 1980 dan 1990-an terdapat dua buah nashkah teater yang dihasilkan iaitu Projek Izie (1982), Siapakah Takutkan Amerika (1996),ⁱⁱ dan Apocalipso (2008).ⁱⁱⁱ Pementasan lain yang turut dihasilkan oleh Dinsman dalam tempoh yang sama termasuklah Teater Atas Pokok (2016) dan Teater di Sawah Padi (2017) yang mengangkat nashkah Muzikal Uda dan Dara karya Sasterawan Negara Usman Awang. Dinsman dikenalpasti mula aktif berteater selepas era di mana aliran realisme dianggap tidak mampu meneroka ke alam batiniah manusiawiah. Justeru muncul aliran baru iaitu drama atau teater yang berbentuk simbolik untuk menampung keperluan pada kelompok masyarakat dan juga atas faktor perubahan sejarah hidup dan pemikiran manusia termasuklah penyebaran fahaman dan falsafah daripada tokoh-tokoh Barat yang berkaitan dengan kehidupan, psikologi dan evolusi (Mana Sikana, 1989). Pada era millennium, Dinsman didapati cenderung menghasilkan nashkah dan pementasan teater yang berunsur Islam antaranya termasuklah Teater Nabi Yusuf (Teater dari Al-Quran) (2005),^{iv} *Tamu dari Medan Perang* (2006), *Menunggu Kata dari Tuhan: Teater dari Hadis Nabi* (2009), Pengisytiharan Abul ‘As Menantu Nabi (2013) (Dinsman, 2012 & 2017).

Perkembangan Aliran dan Pendekatan Teater Di Malaysia

Peperangan adalah antara faktor yang mencetuskan aliran baru dalam perkembangan teater dunia yang kemudian berkembang ke Asia, Nusantara dan Malaysia khususnya, serta dapat dikesan dalam penghasilan nashkah dan pementasan teater dalam bahasa Melayu bermula pada tahun 1970-an. Peperangan menyebabkan manusia menderita fizikal, mental dan emosi

hingga mampu mengubah pandangan dan pemikiran terhadap sesuatu yang selama ini telah dipercayai termasuklah sistem sosial, politik dan ekonomi. Aliran-aliran pasca modenisme ini kemudian berkembang lagi kepada beberapa cabang termasuklah surrealisme, absurdisme dan ekspresionisme (Manu Sikana, 1989). Dalam konteks perkembangan teater Melayu pula, Peristiwa Berdarah 13 Mei 1969 meninggalkan kesan yang signifikan terhadap kelahiran bentuk-bentuk teater baru yang bertentangan dengan bentuk-bentuk teater sebelum itu. Teater tradisional dan realisme didapati kurang memberikan ruang untuk unsur-unsur lain masuk ke dalam persembahannya. Teater bentuk baharu yang dikenali dalam beberapa label termasuklah eksperimental dan kontemporari bersifat terbuka dalam pendekatan pementasan dan pengkarya bebas membina bentuk teater yang mereka mahu lakukan. Selain Dinsman, dramatis dan pengiat teater yang berkarya ketika itu dalam bentuk pengkaryaan baharu ini termasuklah Mana Sikana, Anuar Nor Arai, Syed Alwi, Johan Jaaffar, Hatta Azad Khan dan Noordin Hassan (Husin, 2010). Penggiat teater 1970-an ini mulai bereksperimen terhadap pendekatan pementasan konvensional khususnya dari aspek keterikatan terhadap ruang lakon di mana lakonan tidak lagi hanya bergantung kepada panggung yang mempunyai pentas proscenium tetapi lakonan juga dilaksanakan di panggung yang datar (tanpa pentas). Pada ketika inilah Noordin Hassan, Ismail Kassan, Mana Sikana dan beberapa dramatis lagi mulai menyuguhkan idea, aspek dan pemikiran yang berkaitan dengan Islam dan keislaman dalam karya masing-masing. Kemasukan unsur Islam dalam teater Melayu adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan kerana konsep orang Melayu itu sendiri tidak dapat dipisahkan dengan Islam, seperti yang terdapat dalam Perlembagaan Malaysia (Abd. Rahman, 2007). Dinsman sendiri, melalui nashkah *Bukan Bunuh Diri* (BBD) juga membawakan isu yang berkaitan dengan kewujudan manusia (dirinya) hubungannya dengan Tuhan. Watak Adam yang dikemukakan dalam nashkah ini juga secara tidak langsung berkaitan dengan ajaran Islam dalam konteks penciptaan manusia. Ahmad (2013) telah meneliti nashkah ini melalui pendekatan metafizik Al-Ghazali, *The Alchemy of Happiness*, dan beliau mendapati bahawa Dinsman telah membawakan pendekatan metafizik dalam BBD untuk menjelaskan tentang ruang lompong atau persoalan yang tidak terjawab dalam kalangan masyarakat yang berpaksikan logik akal dalam kehidupan mereka. Persoalan kewujudan Tuhan, manusia dan tujuan hidup tidak mampu dicapai dengan hanya bergantung kepada pemikiran realistik semata-mata. Akal manusia mempunyai batas dan keupayaannya untuk memahami semua perkara dalam alam maya ini.

Objektif dan Kaedah Kajian

Kajian ini bertujuan meninjau pendekatan persembahan yang digunakan oleh dramatis dan penggiat teater, Dinsman atau Shamsuddin Othman dalam menampilkan isu-isu yang berkaitan dengan Islam di pentas melalui dua buah nashkah teaternya *Menunggu Kata dari Tuhan* (MKdT)^v dan *Tamu dari Medan Perang* (TdMP).^{vi} Pendekatan persembahan adalah teknik atau strategi yang digunakan oleh Dinsman untuk membentuk aspek dramatik dan teaterikal termasuklah cara watak-watak tersebut mengungkapkan dialog masing-masing selain pemilihan perkataan dan maksud yang dibawa oleh dialog tersebut. MKdT dianalisis dengan merujuk kepada video rakaman persembahan yang disiarkan oleh Ar-Rahman TV di saluran *Youtube* pada 21 Februari 2016.^{vii} Teater TdMP pula dinilai berdasarkan pemerhatian Penulis terhadap pelaksanaan latihan, raptai serta pementasan yang telah berlangsung pada 7 dan 8 April 2017 di Universiti Sultan Azlan Shah.^{viii} Dalam proses menganalisis ini, untuk mendapatkan data kandungan dan dialog yang dilafazkan oleh watak-watak dalam kedua-dua teater ini, nashkah asal sumber pementasan telah dirujuk. Ini bertujuan memastikan teks teater adalah merujuk dan sama sebagaimana nashkah bertulis atau skrip lengkap. Teks yang dirujuk adalah *Tamu dari Medan Perang* (Dinsman, 2006) dan *Menunggu Kata dari Tuhan* (Dinsman, 2009). Data kajian dianalisis berdasarkan pendekatan Teater Fitrah yang

menyenaraikan prinsip-prinsip dalam pementasan teater oleh seorang Muslim. Pendekatan Teater Fitrah diasaskan oleh Noordin Hassan, Sasterawan Negara Malaysia dan telah dibentangkan pada tahun 1981 di Kuala Terengganu dalam Seminar Teater yang berlangsung ketika itu (Husin, 2017a). Inti pati falsafah Teater Fitrah dan eseи-eseи yang membahaskan teori persembahan teater ini telah diterbitkan di bawah judul *Teater Fitrah dan Esei-esei Pilihan* (Hassan, 2002). Rumusan kepada prinsip-prinsip dalam pendekatan Teater Fitrah adalah seperti berikut: (i) penyelesaian cerita berpihak kepada protagonis yang mempercayai bahawa beriman kepada Allah adalah fitrah manusia; (ii) mengemukakan watak dengan adegan yang sedar tentang hakikat tentang pengabdian diri kepada Allah; (iii) cerita boleh memanifestasikan perkataan tentang kejiwaan atau spiritual, yang diutamakan adalah niat yang baik; (iv) memanifestasikan keimanan kepada Allah melalui tindak-tanduk tertentu; (v) teater yang mengandungi nilai-nilai Islam^{ix} merangsang fikiran dan emosi penonton; (vi) nilai Islam ditampilkan gambaran dan imejan melalui teater dengan tujuan untuk ibadat, tetapi menjaga etika dan tatasusila pementasan (Husin, 2017b).

Dapatan Kajian dan Perbincangan

TdMP mengemukakan teguran terhadap kuasa-kuasa besar Islam tentang sikap mereka terhadap perjuangan daripada kelompok lain dan dalam kes ini, perjuangan tersebut adalah jihad. TdMP adalah teater pendek sekitar satu jam pementasan yang melibatkan tujuh watak iaitu QUEEN, SULTAN, MUFTI, SESEORANG, PENONTON 1, PENONTON 2 dan PELAYAN. MKdT merupakan teater monolog yang melibatkan satu watak sahaja iaitu sahabat Nabi bernama KA'AB, dalam sesetengah pementasan, pengarah memasukkan pemilik gitar yang mengiringi persembahan secara langsung. Teater ini tentang kesengsaraan yang ditanggung oleh KA'AB untuk menunggu keputusan daripada Allah SWT melalui Rasulullah SAW atas taubatnya atas kesalahan tidak pergi berperang bersama Rasulullah. Nashkah dan pementasan TdMP dan MKdT telah dianalisis berdasarkan enam prinsip yang terkandung dalam pendekatan Teater Fitrah. Kajian mendapati bahawa kedua-dua karya ini memenuhi atau menepati prinsip-prinsip yang digariskan oleh pendekatan tersebut dalam menyediakan nashkah drama pentas dan pelaksanaan persembahan teater yang mengandungi aspek dan hal ehwal Islam. Berikut adalah paparan dan huraian yang dikemukakan mengikut urutan prinsip-prinsip Teater Fitrah seperti yang disenaraikan sebelum ini:

Jadual 1: Prinsip (i) Penyelesaian Cerita Berpihak Kepada Protagonis Yang Mempercayai Bahawa Beriman Kepada Allah Adalah Fitrah Manusia

<i>Tamu dari Medan Perang</i>	<i>Menunggu Kata dari Tuhan</i>
Permasalahan atau isu yang dikemukakan dalam teater ini belum selesai, isu berkaitan dengan pendanaan terhadap organisasi jihad yang dianggotai oleh QUEEN masih lagi diperingkat perundingan dengan SULTAN, belum ada kata putus. Kedua-dua watak ini mengakui keislaman masing-masing. ^x	Permasalahan atau isu yang dikemukakan dalam teater ini telah selesai apabila watak utamanya, sahabat Nabi bernama KA'AB telah menerima keampunan daripada Allah SWT melalui firman kepada Nabi Muhammad SAW yang kemudian disampaikan oleh wakil Baginda kepada KA'AB yang sedang berada dalam pengasingan daripada masyarakat dan isteri/keluarga. ^{xi}

Jadual 2: Prinsip (ii) Mengemukakan Watak Dengan Adegan Yang Sedar Tentang Hakikat Tentang Pengabdian Diri Kepada Allah

<i>Tamu dari Medan Perang</i>	<i>Menunggu Kata dari Tuhan</i>
<p>QUEEN mewakili organisasi yang dianggotainya adalah watak yang sedar akan tujuan utama hidupnya iaitu berjuang di jalan Allah SWT. Watak SULTAN menganggap dirinya Islam dan tidak memikirkan tahap keislamannya serta menikmati kehidupan (mewah) sebagaimana sepatutnya, selesa dan berkuasa. Tetapi QUEEN tidak mengiktiraf seorang Islam yang mempunyai kuasa atau pengaruh besar di dunia dan kekayaan seperti yang dimiliki oleh SULTAN, dengan keislaman begitu. QUEEN berpendapat, golongan ini perlu memainkan peranan atau turut berjihad atau membantu gerakan jihad, barulah Islam mereka itu sempurna. Mereka tidak hanya membiarkan kekejaman berlaku tanpa membuat sesuatu yang dalam kemampuan mereka.^{xii}</p>	<p>Watak KA'AB sangat sedar akan tanggungjawab beliau terhadap Rasulullah dan Allah SWT dalam konteks memerangi musuh Islam dengan menunjukkannya melalui penyertaan ke medan perang. Justeru, apabila beliau dihukum dalam bentul pengasingan akibat daripada perbuatan tidak pergi berperang, beliau menerima hukuman tersebut dan menzahirkan rasa kesal dan taubat terhadap perbuatan tersebut.^{xiii}</p>

Jadual 3: Prinsip (iii) Cerita Boleh Memanifestasikan Perkataan Tentang Kejiwaan Atau Spiritual, Yang Diutamakan Adalah Niat Yang Baik

<i>Tamu dari Medan Perang</i>	<i>Menunggu Kata dari Tuhan</i>
<p>Dalam usaha SULTAN menunjukkan bahawa beliau masih sedar tentang perjalanan hidup yang hakiki, iaitu menuju akhirat beliau telah mengongsikan tazkirah yang pernah beliau dengar daripada Mufti Negara:</p> <p>“Saya masih ingat tazkirah daripada Mufti Negara. Hidup di dunia ibarat seorang pengembara berhenti sekejap untuk berehat di bawah sepohon pokok, sebelum dia meneruskan perjalannya yang panjang menuju akhirat. Dan kehidupan yang sebenar ialah kehidupan akhirat. Saya masih ingat tazkirah itu. Bahawa Nabi sendiri pun menjalani kehidupan seperti orang susah, seperti orang miskin (hal. 28).</p>	<p>KA'AB: ... Kemudian, tatkala duduk berhadapan dengan baginda, bagi menyatakan syukurku yang tak terhingga, kerana taubatku diterima Allah, aku menyatakan hajatku untuk bersedekah. Semua harta milikku, semua kebun-kebunku hendak ku sedekahkan kepada Allah dan Rasul-Nya, Tetapi Rasulullah tidak bersetuju. “Sedekahkanlah sebahagian sahaja daripada hartamu,” katanya. “Itulah cara yang paling baik.” (hal. 42)</p>

Jadual 4: Prinsip (iv) Memanifestasikan Keimanan Kepada Allah Melalui Tindak-Tanduk Tertentu

<i>Tamu dari Medan Perang</i>	<i>Menunggu Kata dari Tuhan</i>
QUEEN memanifestasikan keimanannya terhadap Allah SWT melalui jihad. Beliau bukan sahaja meletakkan dirinya di dalam dan di jalan jihad tetapi juga mengajak watak SULTAN untuk berjihad bersamanya, khususnya melalui kuasa dan kekayaan yang dimiliki oleh SULTAN sebagai antara individu yang terkaya di muka bumi.	KA'AB: ... Aku tahu, bukan keputusan lambat diambil. Allah telahpun menetapkan qadha dan qadar semua perkara. Hanya waktunya belum tiba untukku. Kiranya ini hukum Tuhan ke atas kelalaianku, aku percaya pasti ada hikmahnya, dan kelalaianku, aku percaya pasti ada hikmahnya, dan aku redha ya Allah. (hal. 36).

Jadual 5: Prinsip (v) Teater Yang Mengandungi Nilai-Nilai Islam Merangsang Fikiran Dan Emosi Penonton

<i>Tamu dari Medan Perang</i>	<i>Menunggu Kata dari Tuhan</i>
Teater ini menampilkan kedua-dua nilai sama ada mahmudah mahu pun mazmumah, dan nilai ini pula ditampilkan secara langsung melalui watak dan perwatakan yang tampil dalam perjalanan persembahan atau cerita. Terdapat juga nilai yang hanya disebut oleh watak-watak yang tampil semasa mereka membincangkan sesuatu isu yang berkaitan dan nilai tersebut disebutkan.	Teater ini menampilkan nilai keinsafan yang sangat mendalam terhadap Allah SWT dan rasa kasih sayang terhadap Nabi Muhammad SAW, KA'AB menampilkan perwatakan sebagai seorang Muslim bercakap benar walau pun pahit, mengakui kesilapan dan kecuaiannya untuk turut serta pergi berperang Tabuk bersama rombongan Rasulullah, beliau menzhirkan keinsafan dan bertaubat terhadap perbuatannya. Keikhlasannya dalam mengakui kesalahannya dan bertaubat, serta sentiasa bersyukur di atas hukuman yang sedang dijalani sehingga permasalahannya selesai di mana Allah telah mengampunkan dosanya dan menerima taubatnya.

Jadual 6: Prinsip (vi) Nilai Islam Ditampilkan Gambaran Dan Imejan Melalui Teater Dengan Tujuan Untuk Ibadat, Tetapi Menjaga Etika Dan Tatasusila Pementasan

<i>Tamu dari Medan Perang</i>	<i>Menunggu Kata dari Tuhan</i>
Teater ini telah dipentaskan di Auditorium Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak sempena dengan Program Pertemuan Seni @ USAS 2017 pada 7-9 April 2017. Berdasarkan pemerhatian dan penontonan untuk sesi latihan dan persembahan yang berlangsung pada 8 April 2017, etika dan tatasusila pementasan adalah terjaga dan dilaksanakan dengan penuh kesedaran dalam konteks pergerakan antara watak wanita dengan beberapa watak lelaki yang ditampilkan dalam teater ini. Pakaian	Pementasan terakhir teater monolog ini ialah pada 20 Februari 2016 di Pusat Konvensyen Aman Jaya, Meru, Ipoh, Perak, sebagai persembahan khas oleh Sabri Yunus dan Sani Sudin pada Majlis Penutup Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan 2016. Rakaman pementasan ini telah disiarkan di saluran YouTube Ar-RahmanTV pada 21 Februari 2016. ^{xiv} Aksi dan persembahan yang dipaparkan berdasarkan tonton rakaman video terhadap monolog ini memperlihatkan gerak lakon dan pengucapan dialog yang

setiap pelakon adalah menutupi tubuh dan tidak mendedahkan aurat. Tidak ada berlaku sebarang sentuhan dan aksi yang mencemarkan imej Islam seperti aksi lucah, bercumbuan dan pakaian yang terdedah aurat. Muzik dan kesan bunyi digunakan hanya untuk tujuan merangsang imaginasi penonton terhadap kisah atau isu yang dipaparkan.

bersesuaian dengan watak dan cerita. Aksi dan emosi seperti tangisan oleh watak KA'AB bersesuaian dengan keperluan kisah yang dibawakan dan tidak melanggar etika dan tatasusila pementasan.

Rumusan

TdMP – menyediakan saranan ADEGAN SELINGAN berbentuk tayangan video tentang perang, kemisikinan dan pelarian di Palestin, Afghanistan dan Iraq di halaman 15 nashkah. Tayangan video atau multimedia jika mahu dimasukan perlulah mengandungi bahan yang tidak menjatuhkan maruah Islam dan individu atau negara yang dipaparkan. MKdT membawakan bentuk teater yang mirip kepada penceritaan lisan atau lipurlara yang disampaikan oleh individu yang dikenali sebagai penglipurlara. Bentuk persembahan cerita yang bersifat asas dalam hierarki perkembangan seni persembahan lakon pentas Melayu berbanding dengan wayang kulit, mak yung dan bangsawan, diikuti drama moden. Dalam penyampaian cerita oleh penglipurlara suasana penceritaan adalah tidak formal atau terikat pada peraturan pementasan yang rumit seperti teater moden. Khalayak penonton datang mendengar sambil berbual dan makan-minum (Haji Salleh, 2000). Tetapi bentuk ini belum ditakrifkan sebagai teater kerana konotatif teater yang sentiasa dikaitkan dengan lakonan, pentas dan aspek teaterikal seperti solekan, rekaan lampu, busana, set pentas dan prop. Hal ini berlaku kerana keterlewanan konsep kesuasteraan dalam Islam (Chelkowski, 1984) sedangkan perihal persembahan itu telah pun wujud termasuklah penyampaian khutbah, pembacaan kitab dan hadis, berzikir dan bersalawat. Kedua-dua nashkah ini, MKdT dan TdMP, mengangkat isu yang berbeza tetapi mempunyai kaitan rapat dengan isu, sikap dan pemikiran masyarakat Islam. Kajian juga mendapati bahawa penyediaan dan pembinaan nashkah-nashkah ini dalam konteks pementasan, dengan senarai watak yang relatif kecil memudahkan kawalan pergerakan dan interaksi antara pelakon, dilaksanakan. Ini kerana antara isu dalam pementasan teater ialah tentang pergerakan bercampur antara pelakon/watak lelaki dan wanita terutama yang melibatkan babak-babak dengan watak yang ramai. Pemilihan isu yang menjadi persoalan dalam kedua-dua nashkah tersebut juga sangat relevan dalam konteks sikap seorang Muslim serta situasi semasa umat Islam demi kesinambungan iman dan kehidupan. Dalam pada itu, memang elemen-elemen moden aspek teater dan drama yang merujuk kepada pendekatan Barat masih lagi dapat dilihat dalam teater-teater berunsur Islam Dinsman tetapi menurut Mohd Ludin & Hj. Mohd. Nor (1995), proses perubahan dan perkembangan serta penegasan idea baru merupakan suatu yang perlu diambilkira. Situasi ini yang sedang diusahakan oleh Dinsman dalam mempelopori dan mengetengahkan bentuk persembahan teater yang selaras dengan syariat Islam.

Penghargaan

Kertas kerja ini dibiayai oleh Geran Universiti Putra Malaysia GP/2018/9662400. Setinggi penghargaan ditujukan kepada Universiti Putra Malaysia atas sokongan yang diberikan.

Rujukan

Abdul Kadir, Z. (2014). *Mek Mulung: Kesenian Perantara Manusia dan Kuasa Ghaib Warisan Kedah Tua*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.

- Abd. Rahman, K. (2007). *Teater Melayu: Suatu Risalah Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, M.R.W. (2013). Finding God in Dinsman's *It Is Not A Suicide*: An Islamic Metaphysical Approach. *GEMA Online® Journal of Language Studies, Volume 13(3)*, September, 223-235.
- Ar-RahmanTV. (2016). *Monoloq "Menunggu Kata Dari Tuhan" Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan 2016*. 21 Februari. Dirujuk di <https://www.youtube.com/watch?v=J-LeIJnYCWQ>, pada 19/6/19.
- Asar Belum Berakhir: Antologi Drama Peraduan Mengarang Berunsur Islam Sempena Abad Ke-15 Hijrah. (1988). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chelkowski, P. (1984). Islam in Modern Drama and Theatre. *Die Welt des Islams New Series*, Bd. 23/24, 45-69.
- Dinsman. (2006). *Tamu dari Medan Perang*. Kuala Lumpur: Teater Elit.
- Dinsman. (2009). *Menunggu Kata dari Tuhan*. Kuala Lumpur: Teater Elit.
- Dinsman. (2012). *Pemikiran dan Perancangan Seni-Budaya*. Kuala Lumpur: Seniman Paksi Rakyat (PAKSI).
- Dinsman. (2017). *Mencari Kewajaran Islam di Malaysia (Esei-esei pilihan 2008-2015)*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Haji Salleh, M. (2000). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan, H. (2002). *Teater Fitrah dan Esei Pilihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Husin, F. (2010). *Teater Melayu: Teks dan Eksperimentasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Husin, F. (2017a). *Islamic Theatre Theory: Theatre of Fitrah (Faith)* by Noordin Hassan. Kertas kerja dibentangkan di Academic Forum on Theatre in International View, pada 2-4 November di Shanghai Theatre Academy (STA), Shanghai, China.
- Husin, F. (2017b). Islam dalam Drama dan Teater Melayu. *Sastera Melayu Islam: Antologi Puisi & Kertas Kerja*. Kuala Lumpur: Sastera Enterprise.
- Mana Sikana. (1989). *Disekitar Pemikiran Drama Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2011). *Estetika Dramatik dan Spektakuler Teater*. Bandar Baru Bangi: Pustaka Karya.
- Matusky, P. (1997). *Malaysian Shadow Play and Music: Continuity of an Oral Tradition*. Penang & Kuala Lumpur: The Asian Centre.
- Mohd. Ludin, M. & Hj. Mohd. Nor, A. S. (1995). *Aspek-aspek Kesenian Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nasir, B. (2010). Pendidikan dalam Gerakan Islam di Malaysia: Satu Tinjauan. *Journal Of Islamic And Arabic Education*, 2(1), 1-12.
- Nasuruddin, M.G. (2009). *Traditionl Malay Theatre*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shafi, A.S.H., Kong-Kiang, J.T. & Baboo, S.B. (2015). *Makyung: Perspectives on Malaysia's Traditional Theatre*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

ⁱ Makyung: Perspectives on Malaysia's Traditional Theatre (Shafi, A.S.H., Kong-Kiang, J.T. & Baboo, S.B. (2015), Mek Mulung: Kesenian Perantara Manusia dan Kuasa Ghaib Warisan Kedah Tua (Zinitulniza Abdul Kadir, 2014) & Malaysian Shadow Play and Music : Continuity of an Oral Tradition (Patricia Matusky, 1997).

ⁱⁱ belum dipentaskan.

ⁱⁱⁱ belum dipentaskan.

^{iv} belum dipentaskan.

^v Isu yang diangkat iaitu tentang dugaan untuk Ka'ab bin Malik untuk bercakap benar terhadap kesalahan atau kecuaian yang telah dilakukannya. Pada hari umat Islam di bawah pimpinan Rasulullah SAW berangkat ke medan perang untuk menentang musuh dalam peperangan yang dinamakan Perang Thabuk. Ka'ab telah gagal mengikuti pasukan yang telah berangkat ke medan perang. Selain Ka'ab terdapat beberapa orang lagi yang telah gagal menyertai perang itu. Sekembali Rasulullah SAW dan umat Islam yang berjuang ke kampung halaman mereka, semua yang tidak pergi berperang telah datang menemui Rasulullah SAW untuk meminta ampun dan maaf serta memberikan sebab atas ketidakhadiran masing-masing ke medan perang. Di sinilah dugaan paling hebat lebih, daripada tentang tidak pergi berperang itu sendiri iaitu untuk Ka'ab memberikan alasannya kepada Rasulullah SAW. Beliau tidak mempunyai alasan yang munasabah dan tiada alasan selain daripada kecuaian atau berlengah-lengah hingga tertinggal daripada gerombolan yang telah bergerak ke medan perang. Situasi yang lebih mendera perasaan Ka'ab ialah kesnya tergantung tidak diberi hukuman atau kata putus oleh Rasulullah SAW hingga sampai wahyu daripada Allah SWT selepas sekian masa dan dugaan demi dugaan yang dihadapinya (Fazilah Husin, 2017b).

^{vi} Teater MKdT pertama kali dipentaskan dalam Majlis Santapan Diraja Kelantan, di Kota Darul Naim, Kota Bharu pada 30 Mac 2009 diikuti pementasan ke dua di Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Timur, Kota Bharu, pada keesokannya (31 Mac 2009). Sebelum itu, lebih awal daripada itu, pada tahun 2006, Dinsman telah menulis dan mementaskan nashkah TdMP di Kuala Lumpur (Dinsman, 2009).

^{vii} Ar-RahmanTV, (2016). Monoloq "Menunggu Kata Dari Tuhan" Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan 2016, 21 Februari, dirujuk di <https://www.youtube.com/watch?v=J-LeIJnYCwQ>, pada 19/6/19: "Persembahan khas oleh Sabri Yunus dan Sani Sudin pada Majlis Penutup Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan 2016 pada 20 Februari 2016 bertempat di Pusat Konvensyen Aman Jaya, Meru, Ipoh, Perak."

^{viii} Pementasan di Universiti Sultan Azlan Shah adalah arahan bersama Dinsman dengan Lena Farida Chin, pensyarah teater di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

^{ix} "Pada pandangan Islam, sumber asas yang menentukan sistem nilai adalah wahyu Allah dalam bentuk al-Qur'an dan al-Sunnah. Hal ini bermakna bahawa sistem nilai Islam yang terbentuk daripada panduan wahyu ini tidak bersifat subjektif dan abstrak. Sebaliknya, nilai itu jelas dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Apa-apa tradisi, kebiasaan, amalan dan budaya yang dianggap baik oleh sumber wahyu, maka ia adalah baik pada bila-bila masa sahaja bagi mana-mana masyarakat juga. Sebaliknya, apa-apa yang dianggap sebagai buruk atau jahat dalam sumber wahyu, maka ia tetap jahat dan buruk bagi mana-mana masyarakat juga pada bila-bila masa sahaja. Hal ini bererti nilai-nilai ini akan tetap kekal dan tidak akan berubah-ubah sampai bila-bila bagi mana-mana masyarakat juga." Artikel ini membahagikan nilai Islam kepada nilai terpuji dan terkeji: nilai terpuji adalah mahmudah (contoh – jujur, amanah, bercakap benar, berani, berbaik sangka, ikhlas, menepati waktu, menepati janji dan tekun) sementara nilai terkeji ialah mazmumah (contoh – menderhakai Allah dan rasul-Nya, menderhakai ibu bapa, khianat, menipu, penakut, buruk sangka, mungkin janji dan pemalas) (Haji Sabri Said & Khoo Chiew Keen (Penyunting). (Tanpa tahun). WLA 104/03 Pengajian Islam. Wawasan Open University. <https://pengajianislam.pressbooks.com/chapter/sistem-nilai/> 17/6/19); Mohd Hasrul Shuhari. 2015. Nilai-nilai penting individu Muslim menurut Al-Ghazali. Bil. 9 Januari 2015, hal. 41-60. <https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/82/69> 17/6/19: Antara nilai-nilai penting individu Muslim menurut pemikiran al-Ghazali ialah al-ikhlas (keikhlasan), al-sidq (benar), al-amanah (amanah) serta al-mas'uliyah (bertanggungjawab) dan al-kamil (kesempurnaan).

^x QUEEN: ... Kita umat Islam sepatutnya berpegang pada quran dan hadis, tuan. Ini wasiat daripada Rasulullah (SAW.) Baginda bersabda: "Aku tinggalkan kepada umatku dua perkara. Barangsiapa berpegang dengannya nescaya mereka tak akan sesat, iaitulah al-Quran dan hadis" (Dinsman, 2006: 7). SULTAN: ... Kami ada cukup lengkap semuanya – kami ada Penasihat agama, kami ada Menteri Agama, kami ada mufti, kami ada ulama-ulama yang berwibawa dalam pelbagai ilmu – Quran, hadis, fiqh, tauhid ... (Dinsman, 2006: 10).

^{xi} "TIBA-TIBA TERDENGAR SUARA ORANG BERTERIAK DI KEJAUHAN: "Wahai Ka'ab bin Malik. Terimalah khabar gembira untukmu!" Aku seperti mendengar orang memanggil namaku. Tetapi apakah benar telingaku ini yang mendengar atau itu hanya imaginasku? Aku tidak pasti. Aku takut suara itu hanya imaginasku semata. Tapi ... itu ... namku dipanggil lagi. Ada khabar gembira untukku ... TERDENGAR LAGI SUARA ORANG BERTERIAK DI KEJAUHAN. "Wahai Ka'ab bin Malik. Terimalah khabar gembira untukmu!" KA'AB TERUS SUJUD. DALAM SUJUD DIA BERKATA: Alhamdulillaah! ... syukur ke hadzrat-Mu ya Allah. Syukur Alhamdulillaah ... (Dinsman, 2009: 38-39).

^{xii} QUEEN: Syukur Alhamdulillaah. (Mulai bercakap gaya gila-gila sikit). Allah merestui kerja yang baik. *Fii sabiilillaah*. Itulah tujuan kita – 'kan, tuan? *Fii sabiilillaah*. Berjuang di jalan Allah. Tuan telah dikurniakan oleh Allah dengan rezki dan nikmat yang begitu besar nilainya. Tak terhingga. Syukur! Syukur! SULTAN: Ya, kami bersyukur. *Alhamdulillaah*.

^{xiii} "(KA'AB) ... Ya Rahman ya Rahim ya Zal-Jalaali wal-Ikraam. Sungguh aku menyesal ya Allah. Aku menyesal kerana berlengah-lengah ketika orang sibuk bersiap, dan akhirnya aku tidak ikut bersama dengan mereka, keluar menghadapi musuhmu orang-orang Rom di Tabuk. Aku menyesal ya Allah. Ya Ghaffaar ya Lathiif, ampunilah kelalaianku. Ampunilah dosa-dosaku ya Allah. Aku bertaubat kepada-Mu, Tuhan maha berkuasa. Engkau pemilik segalanya. Terimalah taubatku ya Allah. Terimalah taubatku. Aku menyesal dan tak akan ulangi lagi kesalahan itu ... (Dinsman, 2009: 36-37).

^{xiv} Ar-RahmanTV, (2016). Monoloq "Menunggu Kata Dari Tuhan" Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan 2016, 21 Februari, dirujuk di <https://www.youtube.com/watch?v=J-LeIJnYCwQ>, pada 19/6/19: "Persembahan khas oleh Sabri Yunus dan Sani Sudin pada Majlis Penutup Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan 2016 pada 20 Februari 2016 bertempat di Pusat Konvensyen Aman Jaya, Meru, Ipoh, Perak."